

Jangan terlalu berharap kepada GSP: PM

BH 24 AUG 1990

SUNGAI PKTANI, Khamia — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan bahawa negara tidak selamanya perlu bergantung kepada Sistem Keutamaan Am (GSP) untuk melariskan hasil kilangnya di pasaran Amerika Syarikat.

Menurutnya, suatu masa kelak negara akan terpaksa bersaing secara terbuka dengan kuasa perindustrian terkemuka lain dan di saat itulah kerajaan dan rakyat perlu menjamin barangan tempatan dapat menembusi pasaran dunia.

"Jika Amerika menarik balik keistimewaan itu, kita akan sukar untuk menjual barangan kita di sana, tetapi hakikatnya ialah suatu masa kelak, kita terpaksa belajar hidup tanpa kemudahan itu.

"Kerana itulah kita mesti menjaga mutu barangan yang dihasilkan dan memartikan harganya dapat bersaing dengan barangan negara lain," katanya ketika berucap kepada kira-kira 5,000 wakil majikan dan pekerja 47 kilang di Kawa-

san Perindustrian Bakar Arang, di sini, hari ini.

batuk, Seri Dr Mahathir berkata, golongan pekerja harus mempelajari lebih banyak teknologi dan kepakaran asing bagi meningkatkan pencapaian industri perkilangan negara.

Menurutnya, kerajaan tidak dapat bergantung penuh kepada sektor perladangan untuk menyediakan tenaga kerja yang mencukupi bagi rakyat. Oleh itu dasar perindustrian negara memberi perhatian khusus kepada usaha menarik lebih banyak pelaburan asing.

"Ladang getah dan kelapa sawit tidak dapat menyediakan kerja yang cukup untuk rakyat, lebih-lebih lagi dengan jumlah 17 juta penduduk sekarang. Bilangan pekerjaan di sektor awam juga terhad.

"Kerana itulah kerajaan berikhtihar mewujudkan peluang kerja di sektor perkilangan. Setakat ini, usaha itu mendapat sokongan sebahagian besar rakyat dan pekerja," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat tempatan tidak mampu memulakan sesuatu industri secara berseendirian kerana kekurangan modal dan oleh itu, lebih banyak usahasama perlu diadakan dengan pelabur asing.

"Dengan pengetahuan yang terhad, kita juga tidak mampu membuat barang-barang yang canggih seperti komponen elektronik. Dengan itu, kita perlu meningkatkan pengetahuan dengan menghadiri latihan kepakaran," katanya